



FELCRA SAMARAHAN SDN BHD

(Kilang Kelapa Sawit Samarahan)

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi polisi FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua Staf, Pekerja, pihak-pihak lain dan pelawat yang berurusan dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti Syarikat.

Pihak pengurusan, Staf dan Pekerja secara bersepadu akan bersama-sama berusaha untuk melaksana dan mencapai matlamat polisi ini melalui rundingan dan kerjasama mengenai perkara-perkara berikut:

- FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd. adalah komited untuk menyediakan persekitaran kerja dan budaya kerja yang kondusif disamping menerapkan amalan kerja yang selamat dan sihat melalui perkongsian tanggungjawab antara Pihak Pengurusan, Staf dan Pekerja mengikut kapasiti masing-masing.
- Isu-isu keselamatan kesihatan dan kebajikan akan diberi keutamaan dan diambil tindakan yang sama status kepentingan dengan matlamat utama FELCRA Jaya Samarahan Sdn. Bhd.
- Sistem pengurusan dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan dilaksanakan dan disemak semula dari semasa ke semasa untuk memastikan adanya kesinambungan program ke arah kecemerlangan Syarikat yang berterusan.

Syarikat percaya bahawa keselamatan dan kesihatan semua Staf dan Pekerja mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian menerusi aplikasi cara kerja yang selamat dan sihat sebagai faktor utama di dalam memastikan kejayaan dan pencapaian misi Syarikat sepenuhnya.

‘KESELAMATAN DAN KESIHATAN ADALAH TANGGUNGJAWAB BERSAMA’